

DASAR PRIVASI

PERANAN SERIMAS SND BHD

Kami, Peranan Serimas Sdn Bhd Reg. No. 200901030577 (873681-A) (“PSSB”), menghormati dan komited untuk melindungi maklumat peribadi yang dikumpul dan privasi kamu. PSSB terikat dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta PDP”) dan perundangan lain yang berkaitan dengan perlindungan privasi yang menetapkan prinsip-prinsip berkenaan dengan perlindungan Data Peribadi dan pengguna dalam Malaysia.

Di dalam Dasar Privasi ini:

“Pihak-pihak Ketiga yang Diberikuasa” bermaksud contractor, agensi atau pembekal parti ketiga atau penyedia perkhidmatan di mana pihak-pihak tersebut menandatangani perjanjian dengan PSSB;

“PSSB” dan “kami” bermaksud secara keseluruhan, PERANAN SERIMAS SDN BHD Reg. No. 200901030577 (873681-A), syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan mempunyai alamat perniagaan di Unit 31-3, 31st Floor, Oval Damansara, No. 685 Jalan Damansara 60000 Kuala Lumpur;

“Maklumat Peribadi” bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan kamu yang dikumpul atau dibekalkan kepada PSSB;

“Maklumat Peribadi Sensitive” mengandungi apa-apa maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, perlakuan atau pernyataan atau apa-apa kenyataan kesalahan atau Maklumat Peribadi yang ditetapkan di bawah undang-undang sebagai maklumat peribadi yang sensitif.

“Produk” bermaksud hartanah atau projek-projek pembangunan kediaman, komersil, industri atau pembangunan bercampur yang telah dibangunkan atau akan dibangunkan, dimajukan oleh PSSB.

1. MAKLUMAT PERIBADI

1.1 Jenis Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan mengenai anda, termasuk:

- a) butir-butir peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, umur, jantina, kewarganegaraan, tarikh lahir dan butir-butir lain;
- b) butiran perhubungan;
- c) butiran perhubungan perniagaan;
- d) alamat emel ;
- e) lain-lain maklumat (seperti keutamaan membeli-belah dan keutamaan Bahasa).

1.2 Sumber Maklumat Peribadi

PSSB akan mengumpul Maklumat Peribadi anda:

- a) apabila anda mendaftar untuk membeli Produk kami atau mendaftarkan minat anda dengan kami untuk membeli Produk tersebut atau bagi mendapatkan maklumat serta maklumat terkini mengenai Produk tersebut;
- b) apabila anda melayari laman web kami atau laman web rangkaian sosial kami;

- c) apabila anda menyertai pertandingan atau respon ke atas tinjauan pasaran, promosi atau soal selidik;
- d) daripada sumber-sumber pihak ketiga seperti agensi-agensi rujukan kredit, pencegahan penipuan serta dari sumber-sumber rekod awam;
- e) dari mana-mana syarikat dalam PSSB;
- f) melalui mana-mana transaksi atau pertanyaan atau komunikasi yang telah dibuat kepada atau dengan kami.

1.3 Maklumat Peribadi Wajib

Semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib untuk kamu bekalkan melainkan dinyatakan sebaliknya.

Sekiranya kamu gagal untuk membekalkan maklumat wajib, kami tidak akan dapat melaksanakan Tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

2. TUJUAN PENGUMPULAN MAKLUMAT PERIBADI

Kami mengumpul maklumat anda untuk memahami keperluan anda supaya menyediakan anda dengan perkhidmatan terbaik serta bagi tujuan-tujuan berikut:

- a) untuk akses dan memproses sebarang pendaftaran dan/atau permohonan yang anda meminta dari PSSB;
- b) untuk pembekalan maklumat mengenai Produk kepada anda;
- c) untuk berkomunikasi dengan anda;
- d) bagi tujuan aktiviti pemasaran mengenai projek terkini kami atau projek yang ditawarkan oleh PSSB (tertakluk kepada persetujuan anda terlebih dahulu);
- e) untuk memaklumkan anda sebarang pembangunan, maklumat terkini berkenaan Produk serta acara-acara lain PSSB dari masa ke semasa;
- f) bagi tujuan penyelidikan pasaran dan analisa statistik;
- g) sebarang tujuan lain yang dibenarkan oleh undang-undang; dan
- h) untuk tujuan-tujuan lain yang bersampingan atau berkaitan atau lanjutan dari tujuan-tujuan yang diberikan di atas

(secara keseluruhan, "Tujuan").

3. PENZAHIRAN MAKLUMAT PERIBADI

3.1 Kami tidak akan menyewa, menjual, memproses, merekod, menyimpan, berkongsi dan mendedah ("proses") Maklumat Peribadi anda yang dikumpulkan oleh kami kepada organisasi-organisasi lain untuk tujuan komersial yang lain atau mana-mana, melainkan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini atau yang dimaklumkan pada masa pengumpulan Maklumat Peribadi.

3.2 Kelas Pihak-pihak Ketiga

Bagi memudahkan Tujuan yang tersebut di atas serta pembekalan Produk kepada anda, kami akan memproses, menggunakan dan menzahirkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga mengikut pengkelasan yang berikut:

- a) syarikat-syarikat di dalam PSSB;

- b) pembekal perkhidmatan ketiga termasuk dan tidak terhad kepada, pembekal bagi perkhidmatan elektrik, air, pembedungan, TV kabel berbayar serta penyiaran, telekomunikasi, lain-lain utiliti dan kontraktor/ejen mereka;
- c) agensi pelaporan kredit atau institusi pinjaman kredit;
- d) saluran pembayaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada institusi kewangan bagi tujuan penyimpanan rekod kewangan, penilaian atau pengesahan kredit serta kemudahan pembayaran kepada kami;
- e) pihak berkuasa dan agensi-agensi penguatkuasaan;
- f) mana-mana mahkamah undang-undang atau pihak yang mempunyai tuntutan yang sah ataupun bagi tujuan prosiding/tindakan undang-undang;
- g) kontraktor, pembekal perkhidmatan, perunding, juruaudit, penasihat dan peguam kami sekadar maklumat yang diperlukan sahaja.

4. PRINSIP PERLINDUNGAN MAKLUMAT PERIBADI

- 4.1 Kami akan memproses Maklumat Peribadi yang dibekalkan oleh anda kepada PSSB apabila anda mendaftar atau memohon atau menyatakan minat anda terhadap Produk kami.
- 4.2 Kami akan menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk Tujuan tersebut di atas.
- 4.3 Jika anda di bawah umur 18 tahun, anda dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada ibu-bapa atau penjaga yang sah sebelum menggunakan Produk PSSB.
- 4.4 Seseorang individu yang membekalkan Maklumat Peribadi beliau sebelum Dasar Privasi ini, beliau boleh menghubungi PSSB melalui butiran cara menghubungi kami yang dinyatakan di bawah untuk mengenalpasti apa jua jenis Maklumat Peribadi yang telah diproses dan tujuan pemprosesan.
- 4.5 Anda akan diberi peluang untuk 'opt-out' bagi Maklumat Peribadi digunakan untuk tujuan yang tidak berkaitan secara langsung kepada Produk pada titik di mana PSSB meminta maklumat tersebut. Jika anda tidak mahu menerima promosi terkini daripada kami, anda boleh 'opt-out' untuk menerima sebarang komunikasi tersebut dengan emel kami di marketing.pssb@gmail.com . Sila maklumkan bahawa sekiranya anda memilih untuk 'opt-out', kami tidak dapat membekalkan Produk tertentu dan langganan atau permohonan berkenaan Produk tertentu akan ditolak atau dinafikan oleh PSSB.
- 4.6 PSSB tidak akan menjual atau menyewa Maklumat Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga. Selain yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, PSSB tidak akan menzahirkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga yang lain tanpa kebenaran anda.
- 4.7 PSSB akan menghubungi anda dari masa ke semasa bagi pihak rakan kongsi perniagaan luar tentang butiran barang-barang, tawaran atau perkhidmatan yang mungkin diminati oleh anda. Dalam kes tersebut, Maklumat Peribadi yang akan mengenal pasti anda tidak akan dipindahkan kepada pihak ketiga. Keseluruhan komunikasi dari PSSB akan dihantar kepada anda oleh PSSB.
- 4.8 PSSB juga berkemungkinan perlu berkerjasama dengan Pihak-pihak Ketiga yang Diberikuasa untuk Tujuan tersebut atau menyediakan anda sebahagian atau kesemua Produk dan/atau perkhidmatan kami atau menjalankan penyelidikan pasaran dan analisa statistic. Oleh sedemikian, PSSB akan berkongsi Maklumat Peribadi anda kepada Pihak-pihak Ketiga yang Diberikuasa sebagaimana yang perlu untuk menjalankan perkhidmatan tersebut secara sulit. Bagaimanapun, pihak-pihak ini tidak dibenarkan untuk memproses Maklumat Peribadi anda

yang dibekalkan kepada mereka melainkan bagi tujuan terhad untuk memberikan perkhidmatan tertentu kepada PSSB.

- 4.9 PSSB mungkin menggunakan atau menzahirkan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan perakaunan atau laporan, tertakluk kepada terma Dasar Privasi ini.
- 4.10 Maklumat Peribadi anda juga mungkin dipindahkan kepada entiti atau penyedia perkhidmatan luar Malaysia sebagaimana yang perlu. Ini akan berlaku dimana server PSSB atau pembekal dan penyedia perkhidmatan adalah berdasar dari negara luar Malaysia atau di PSSB Produk dari negara luar Malaysia. Dalam keadaan ini PSSB akan mengambil langkah untuk memastikan hak privasi anda dihormati selaras dengan Dasar Privasi ini.
- 4.11 Anda boleh pada bila-bila masa mengalih keluar butiran peribadi anda dari pangkalan data kami, membuat pindaan atau membetul Maklumat Peribadi anda. Jika anda mengalih keluar Maklumat Peribadi anda dari rekod kami, kami tidak akan lagi menyediakan Produk untuk anda.

5. MAKLUMAT PERIBADI SENSITIF

- 5.1 Kami tidak akan mengumpulkan Maklumat Peribadi Sensitif anda melainkan jika dikehendaki undang-undang. Jika anda tidak mahu Maklumat Peribadi Sensitif anda dikumpulkan, anda tidak perlu menyerahkan Maklumat Peribadi Sensitif tersebut kepada kami.
- 5.2 Di mana yang dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, PSSB akan mendapatkan kebenaran daripada anda sebelum memproses Maklumat Peribadi Sensitif anda.

6. LAMAN WEB PSSB

- 6.1 PSSB menyediakan produk-produk dan perkhidmatan melalui laman webnya. Apabila anda melayari laman PSSB, server web kami secara automatik mengumpul maklumat tanpa nama seperti masa, tarikh dan URL. PSSB menggunakan maklumat ini untuk memantau prestasi dan untuk memperbaiki kandungan laman web kami. Dari masa ke semasa, PSSB mungkin juga meminta Pihak-pihak Ketiga yang Diberikuasa untuk menganalisa maklumat tanpa nama ini.
- 6.2 Dengan melayari laman web kami serta membekalkan kami dengan Maklumat Peribadi anda, anda adalah memberi kebenaran kepada PSSB untuk mengumpul, memproses dan menyimpan data berdasarkan terma di atas.

7. ALAMAT IP DAN COOKIES

- 7.1 PSSB juga mengumpul alamat Internet Protocol (IP). Alamat IP adalah diberikan kepada komputer di internet untuk mengenal pasti mereka yang unik dalam rangkaian global. PSSB mengumpul dan menguruskan alamat IP sebagai sebahagian daripada perkhidmatan menyediakan internet pengurusan sesi dan bagi tujuan keselamatan.
- 7.2 Laman web PSSB akan menghantar suatu "cookies" kepada komputer pelanggan. Suatu cookies adalah satu pakej data yang membenarkan server web PSSB untuk mengenali dan berinteraksi dengan computer pelanggan secara berkesan dan juga menyediakan kemudahan daftar masuk. Anda juga boleh mengkonfigurasi dan memperibadikan pelayar tersebut untuk menolak atau memadam cookies tersebut.

8. PERLINDUNGAN DAN PENYIMPANAN MAKLUMAT PERIBADI

- 8.1 PSSB telah melaksanakan polisi keselamatan, kaedah-kaedah dan langkah-langkah teknik yang munasabah untuk melindungi Maklumat Peribadi yang dikumpul dan diproses daripada akses yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, salah guna atau dizahirkan, pengubahsuaian, pemusnahan atau kehilangan. Kesemua pekerja dan pemproses data yang mempunyai akses dan bersekutu dengan proses Maklumat Peribadi, adalah bertanggungjawab untuk menghormati kesulitan Maklumat Peribadi anda.
- 8.2 Maklumat Peribadi yang dikumpulkan oleh PSSB akan disimpan dan 'back-up' dengan selamat di lokasi yang boleh diakses oleh kakitangan yang diberikuasa PSSB.
- 8.3 PSSB akan menyimpan Maklumat Peribadi yang dikumpul dan diproses selama ianya diperlukan untuk memenuhi Tujuan tersebut atau oleh mana-mana undang-undang Malaysia yang memerlukan ianya disimpan.
- 8.4 PSSB akan melakukan segala usaha untuk memastikan bahawa Maklumat Peribadi anda yang dikumpul, diguna dan dizahir adalah tepat, lengkap dan terkini. Walaubagaimanapun, ketepatan maklumat tersebut bergantung sebahagian besar kepada maklumat yang anda bekalkan.

9. PENGEHADAN PEMROSESAN DATA PERIBADI, PERTANYAAN LANJUT DAN ADUAN

Anda boleh akses Maklumat Peribadi dalam milikan atau kawalan PSSB dan jika meminta untuk pindaan atau pembetulan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan ketepatan dan kelengkapan. Atas sebab keselamatan, anda adalah dikehendaki mengemukakan permintaan secara bertulis atau emel kami. Kami berhak untuk mengenakan fi untuk mencari dan menyediakan akses atas maklumat anda.

Anda boleh mengemukakan permintaan secara bertulis atau berhubung kami pada hari Isnin - Jumaat dari 9.00 pagi hingga 6.00 petang, sekiranya:

- (a) anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Dasar Privasi ini; atau
- (b) anda ingin meminta untuk akses kepada, atau untuk pembetulan, atau untuk menghadkan pemprosesan Maklumat Peribadi anda dengan pembayaran fi yang ditetapkan kepada kami melalui pos atau emel seperti berikut:

PERANAN SERIMAS SDN BHD
Reg. No. 200901030577 (873681-A)
Unit 31-3, 31st Floor
Oval Damansara
No. 685 Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: +603-7735 6122
Faks: +603-7735 6082

Emel: marketing.pssb@gmail.com

10. KONFLIK

Dalam keadaan berlakunya sebarang konflik antara Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Inggeris dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.